

26 JUL 2001

DR MAHATHIR ANGGAP SANDIWARA DAP KELUAR PAKATAN PEMBANGKANG

KULIM, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan ura-ura DAP keluar daripada pakatan pembangkang sebagai suatu sandiwara.

"Kadang-kadang sandiwara sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Silterra Malaysia Sdn Bhd di Kulim Hi-Tech Park di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas ura-ura DAP ekoran parti itu tidak berpuas hati dengan Pas kerana hendak menubuhkan negara Islam jika berkuasa memerintah negara ini.

Selain DAP dan Pas, dua parti pembangkang di dalam pakatan itu ialah Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia.

Ketika ditanya mengenai perkembangan usaha Umno-Pas mengadakan pertemuan bagi membincangkan soal perpaduan Melayu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Pas tidak menunjukkan minat untuk perkara itu.

-- BERNAMA

JM FAZ